



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 20 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NELAYAN TERPAKSA BEREHAT MUSIM TENGKUJUH, SINAR NEGERI PAHANG, SINAR HARIAN -31	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2.	FAMA BEKAL 50,000 KIT MAKANAN, SINAR NEGERI SELANGOR/KL, SINAR HARIAN -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	SYURGA TAMAN AGRO MAEPS, RENCANA, SINAR HARIAN, 21-23	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PAHANG	31

## Nelayan terpaksa berehat musim tengkujuh

**KUANTAN** - Para nelayan kebiasaannya terpaksa berehat mulai November sehingga Mac setiap tahun berikutan Monsun Timur Laut berlaku.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, Rashima Baharudin berkata, ombak besar dan laut bergelora pada bahkan mušim tengkujuh di pantai timur juga sinonim dengan mušim banjir.

Menurutnya, meskipun pendaratan ikan menurun disebabkan peralihan monsun namun meningkat sekitar September hingga November lalu membantu jumlah bekalan mencukupi.

"Jumlah pendaratan ikan di daerah ini setakat Oktober 2019 mencecah 9.6 tan dengan nilai lebih RM27 juta.

"Jumlah itu mencatatkan peningkatan ketara ber-

banding September dengan jumlah 9.2 tan iaitu pada kadar lebih RM25 juta," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Jumlah itu direkodkan di sembilan Pusat Pengisytiharan (PP) Ikan daerah ini iaitu di Beserah, PP Chera ting, PP Kompleks LKIM Kuantan, PP Cempaka, PP Pasir Panjang, PP Kuala Pahang, PP Nenasi, PP Rompin dan PP Tanjung Gemok.

Rashima berkata, jumlah tersebut dijangka meningkat pada November namun kemungkinan menurun pada Disember ini berikutan Monsun Timur Laut.

"Nelayan dinasihatkan elak turun ke laut kerana laut bergelora," katanya.

Perbandingan pada tahun 2018 menunjukkan peningkatan tinggi sekitar dua tan bagi tempoh Oktober 2018 dan tiga tan bagi tempoh November 2018..

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELANGOR/KL	30

# FAMA bekal 50,000 kit makanan

*Serah kepada Nadma untuk diberikan kepada mangsa banjir*

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

DENGKIL

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membekalkan sebanyak 50,000 kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) yang akan diberikan kepada mangsa yang terlibat dalam banjir.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, pihaknya diberi kepercayaan oleh Nadma untuk membekalkan kit makanan sejak tahun 2014 sehingga kini.

"Pada 2 Oktober 2019 perbincangan antara FAMA dan Nadma telah diadakan di Pusat Operasi FAMA Dengkil dan dalam perbincangan tersebut, sekali lagi pihak Nadma memberi kepercayaan kepada FAMA sebagai pembekal.

"Satu persetujuan telah dimeriti secara dasarnya supaya FAMA menyediakan 50,000 kit makanan dan perlu menyediakan stok sebanyak 20,000 bagi penyediaan fasa pertama," katanya pada Majlis Flag



Ishak merasmikan Majlis Flag Off Kit Makanan Nadma ke seluruh Malaysia di Dengkil semalam.

Off Kit Makanan Nadma ke seluruh Malaysia di sini semalam.

Katanya, terdapat beberapa penambahbaikan dari segi pemilihan produk dibuat hasil perbincangan di antara pihak Nadma dan FAMA.

"Bagi kit makanan Nadma 2019/2020, Nadma memutuskan untuk meletakkan produk tambahan seperti beras, garam, serbuk teh dan gula dalam usaha untuk membantu mangsa bencana semasa dan selepas pulang ke kediaman," katanya.

Menurutnya, Nadma telah melibatkan beberapa jabatan dan


agensi sebagai rakan kerjasama dalam usaha menyalurkan bantuan kepada mangsa bencana.

"FAMA telah dilantik dan diberi tanggungjawab sebagai penyedia kepada kit makanan Nadma.

"Proses penyediaan diselaras dengan Bahagian Pembangunan Industri Asas Tani (IAT) di peringkat Ibu Pejabat dengan kerjasama Pengarah FAMA di setiap negeri yang terlibat dengan bencana.

"Kerja-kerja penyediaan kit makanan dijalankan di Pusat Memproses Makanan FAMA Kuala Selangor dan Pusat Operasi FAMA Dengkil," katanya.

Headline	SYURGA TAMAN AGRO MAEPS		
Media Title	Sinar Harian		
Date	20 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Rencana	Circulation	140,000
Page No	21TO23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	2169 cm <sup>2</sup>
Journalist	MAZLINA ABDUL MAJID	AdValue	RM 45,983
Frequency	Daily	PR Value	RM 137,948



# SYURGA TAMAN AGRO MAEPS

**S**EBUT saja Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor pasti sudah sinonim di benak kita akan lokasinya yang sering menjadi pusat untuk mempromosikan hasil pertanian dan makanan Malaysia.

Ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk menjadi pusat kegiatan dan aktiviti berdasarkan hasil bumi, ia seringkali dipilih sebagai tempat pameran utama bagi acara dan aktiviti tempatan serta antarabangsa.

Paling melekat di hati rakyat Malaysia apabila MAEPS sinonim menjadi tuan rumah bagi kejayaan program skala raksasa seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang diadakan setiap dua tahun.

Taman seluas 130 hektar terletak di atas tanah milik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu memperlihatkan usaha keras MOA memposisikan kepentingan kedaulatan dan keselamatan

makanan negara, selaras dengan moto 'Makanan Kita Masa Depan Kita'.

Selain tempat pertemuan, persidangan dan pameran, terutamanya berkaitan bidang pertanian dan hortikultur, MAEPS kini kian menjadi tumpuan industri agro pelancongan.

Nyata mendapat sambutan, buktinya Ketua Pegawai Operasi MAEPS, Norafizah Rahman berkata, secara purata kira-kira 60,000 pengunjung yang menjelaskan kakil di MAEPS setiap bulan.

Pada satu sisi, dek kedudukannya dalam lingkungan strategik, Norafizah berkongsi pihaknya mengidamkan MAEPS bakal menjadi ala lokasi popular Central Park laitu taman bandar terletak di Manhattan, New York City, di Amerika Syarikat.

Melihat potensinya, barangkali bukan mustahil buat MAEPS. Apa agaknya kelstimpewaan di lokasi taman agro itu? Ikuti perkongsian Sihat:Aktif minggu ini.



MS 22 & 23

Headline	SYURGA TAMAN AGRO MAEPS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Rencana	Circulation	140,000
Page No	21TO23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	2169 cm <sup>2</sup>
Journalist	MAZLINA ABDUL MAJID	AdValue	RM 45,983
Frequency	Daily	PR Value	RM 137,948

### House of Kambing / MAEPS Ecofarm

KAMI mula 'meredah' MAEPS kali ini dengan mengisi perut di House of Kambing. Bagi pencinta masakan berasaskan daging kambing, jangan lepaskan peluang menikmati hidangan di situ.

Apa kata cubalah hidangan antaranya, daging kambing goreng, nasi goreng kambing, kambing goreng kurnyt atau pun sup kambing. Penulis pasti mereka yang



mencubanya akan menaikkan ibu jari tangan.

Anda tidak makan kambing? Jangan bimbang makanan berasaskan lauk lain seperti ayam juga ada. Menu untuk si kecil juga tersedia.

Di samping memenuhi selera, bolehlah menjamu mata melihat unta dan 'rakan-rakan' kambingnya yang hanya terletak di padang bersebelahan House of Kambing.



MENU berasaskan kambing di House of Kambing.

### Laman herba & Ladang Mini Kelulut

PALING signifikan dengan apa yang ditawarkan sehingga ini di MAEPS ialah empat buah laman pertanian khususnya untuk tanaman herba, padi, nanas dan ternakan.

Usai mengisi perut, salah satu lokasi yang sempat kami kunjungi ialah Laman Herba. Mempunyai gabungan lebih 200 spesies, pelbagai tanaman, ramuan dapur, bunga-bungaan dan ulaman yang mempunyai nilai halal yang boleh didapati.

Tarikan tumbuhan berwarna-warni, aroma semula jadi sememangnya memberi kesan terapeutik kepada pengunjung.

Antara menarik perhatian, pokok tongkat ali, kapit fatimah, mehkota dewa, belalai gajah, lampoyang, hampedu bumi, senduduk dan pelbagai lagi.

Padanlah beberapa puluh koloni atau 'rumah' lebah kelulut di Ladang Mini Kelulut ditempatkan di laman itu.

Kami difahamkan, hasil madu yang berbeza adalah daripada hasil bunga dan tumbuhan berbeza yang dihisap oleh lebah.

Sempat kami merasa pelbagai jenis madu di Ladang Mini Kelulut itu.



PELUANG merasai keenakan madu kelulut ini.



PELAJAR tertarik dengan penerangan diberikan di Laman Herba.

# MAEPS tawar kepuasan pengunjung

Lokasi agro pelancongan sesuai bersantai, berekreasi selain penuh informasi

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID & AZIMAH GHAZALI  
FOTO: SHARIFFUDIN ABDUL RAHIM

**S**AMBIL, menikmati makan tengah hari, kelihatan kanak-kanak bergembira memberi makan dan bermain dengan sang unta. Beberapa ekor kambing turut kelihatan 'memeriahkan' suasana.

Usahakan si kecil, mereka yang dewasa juga teruja. Mana tidaknya, halwan yang biasa didapati di padang pasir kini berada di depan mata. Aksi 'manja' kumpulan kambing yang menanti pengunjung untuk menyukannya dengan makana mencult hati.

Ya, betapa lapangnya dada tatkala menyaksikan situasi berbeza itu. Dapat pulna naiki menghirup udara yang dikelilingi kehijauan.

Ternyata ciptaan Tuhan seperti halwan, flora dan fauna mampu membela kedamalan di hati. Bagi jiwa yang mampu menjadi 'cair' melihat anugerah ILAH! itu, destinasi agro pelancongan barangkali tempatnya. Itu yang dapat kami rasakan tatkala

mengunjungi MAEPS Serdang, Selangor baru-baru ini.

Ketua Pegawai Operasi MAEPS, Norafizah Rahman ketika diwawancara baru-baru ini turut menekankan bahawa lokasi di MAEPS mempunyai signaturnya yang tersendiri hingga kian menjadi tumpuan.



NORAFIZAH

"Sebenarnya sejak Disember 2017, kita sudah ada unit baharu iaitu Unit Agrotourism. Mungkin belum lagi mencapai tahap seperti di negara jiran, tetapi jumlah pengunjung di MAEPS sudah agak memberangsangkan."

"Bukan sekadar laman pertanian, ramai ka MAEPS kerana lokasi gastronomi atau tempat makan dan aktiviti serta kemudahan terdapat di sini," katanya kepada *Sihat:Aktif*.

Pendek kata, menawarkan kepuasan untuk relaks dan menyihatkan di samping beraktiviti buat pengunjung, sesualah ia lokasi terilih sempena Tahun Melawat Sepang 2020 nanti.

Apa yang menarik di situ? Ikuti perkongsian *Sihat:Aktif* sempena tinjauan di sana baru-baru ini.



PENGUNJUNG ketika melawat ke tapak Laman Nanas.

### Laman Nanas

MAHU membaskan tekak? Apa kata singgah di Laman Nanas yang menyediakan buah nanas segar bersama air dan taz nanas.

Istimewanya, nanas jenis MD2 yang pastinya umpana cair di mulut. Tidak perlu khawatir lidah berasa merambat

selepas makan buah tropika itu, ia hampir tidak berlaku.

Isinya yang manis tanpa guia, mampu menambah ceria. Jangan pulang dengan tangan kosong. Jika tidak, sunde tentu akan terkenang akan keenakan rasanya ketika di rumah.

Headline	SYURGA TAMAN AGRO MAEPS			
MediaTitle	Sinar Harian			
Date	20 Nov 2019	Color	Full Color	
Section	Rencana	Circulation	140,000	
Page No	21TO23	Readership	420,000	
Language	Malay	ArticleSize	2169 cm <sup>2</sup>	
Journalist	MAZLINA ABDUL MAJID	AdValue	RM 45,983	
Frequency	Daily	PR Value	RM 137,948	



LAMAN padi yang sedang menghijau ketika kunjungan SihatAktif.

### Laman Padi

BUAT warga kota, bukan mudah untuk menikmati pemandangan sawah padi. Namun itu bukan sesuatu yang mustahil di Laman Padi MAEPS.

Bertuahnya kunjungan tim *SihatAktif* kali ini apabila berpeluang mengunjungi laman istimewa itu ketika dedaun padi sedang menghijau.

Berpun tidaklah seujana mata memandang, tetapi sudah cukup membuatkan kami berpuas hati menyaksikan asal makanan rujti itu.

Ibu bapa yang ingin menunjukkan pokok padi pada tutupan si anak yang

dahagakan ilmu, bolehlah berkunjung ke sini. Yang pasti, galeri padi di situ dapat memudahkan lagi penerangan mengenai ‘pokok beras’.

Dari kaedah tradisional hingga ke moden, semuanya dipaparkan.

Sebelum itu sempat trem dinaiki oleh kami melalui lokasi Rumah Negeriku yang menonjolkan keunikan 13 reka bentuk rumah tradisional tiap negeri.

Pihak MAEPS telah mengambil inisiatif untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri bagi ‘menglmarahkan’ lagi aktiviti di Rumah Negeriku.

### G2G Animal Garden (zoo mini)

PASTINYA sekeluarga dapat menikmati pengalaman yang menyeronokkan tak kira berkunjung ke G2G Animal Garden.

Mengenali dan mendekati haiwan dengan lebih dekat malah berpeluang menyentuh haiwan jinak, mungkin menjadikan pengalaman manis buat si kecil.

Terdapat *Pygmy Goat*, kambing jenis kerdl dan sangat comel bernama Tengku. Lihatlah secara dekat kambing berasal dari lembah Cameroon Afrika Barat itu. Marja dan jinak serta suka mengusik kanak-kanak.

Sempat juga penulis melewati ‘rumah burung-burung yang jinak, bermain dengan pelbagai jenis spesies kucing dalam ‘rumah’ dilengkapi pendingin hawa dan arnab yang setia menanti’.

Haiwan comel seperti rukun, marmoset (monyet kecil) berjelinga putih, reptilia juga ada di situ. Bagi si kecil yang mahu mencuba menunggang kuda padi, terdapat khidmat yang disediakan. Kos sekali tunjungan hanya serendah RM5.

Difahamkan terdapat lebih 80 spesies haiwan jinak di G2G.



KANAK-KANAK ceria bermain dengan haiwan yang jinak.

### G2G Techno Cafe

KEMBALI lapar selepas seharian penet berjalan, satu lagi

pilihan tempat makan menarik buat pengunjung MAEPS adalah di G2G Techno Cafe yang terletak tidak jauh dari Goat2Go Farm.

Istimewanya di situ adalah hidangan barbecue kambing, selain turut menyajikan kambing golek, lamb chop dan lamb grill. Harga berpatutan laju pada RM28 untuk pizza bersaiz sederhana besar.

*SihatAktif* sempat singgah dan merasa kedua-dua hidangan dijamin menjatuh jari itu. Ternyata berbaloi! G2G Animal Garden berdekatan dengan G2G Technocafe.

Hidangan makan tengah hari turut disediakan di kafe yang dibuka setiap hari kecuali hari Selasa, dari jam 10 pagi hingga 7 malam itu.



KEJU mozzarella home made yang dihasilkan sendiri G2G Techno Cafe memberikan rasa istimewa pizza pepperoni yang dihidangkan.



PIZZA pepperoni G2G Techno Cafe.

### Spa @maeps

PENAT dan lenguh badan, singgahlah pulu di Spa @maeps.

Kepakaran ahli fisioterapi di situ adalah untuk membantu melalui kaedah perawatan alternatif.

Antara yang istimewa di situ adalah terapi meridian badan dengan gabungan ilmu teknik urutan. Terapi refleksologi juga dihidangkan di Spa @maeps.

Waktu operasinya dari jam 10 pagi hingga 6 petang.

Pun begitu, sebelum datang pastikan membuat temu jalin bagi mengelakkan menunggu lama atau tidak berkesempatan mendapatkan servis.

Apa tidaknya, senarai menunggu sentiasa ada pada setiap hari.



KRU SihatAktif mengambil peluang mencuba khidmat rawatan di Spa @maeps.



### APA ADA DI MAEPS? ANEKDOT

#### AGROTOURISM PARK

Terdapat liga komponen utama iaitu Laman Agro, Agro Recreation dan Rumah Negeriku.

#### 1) Laman Agro:

Terdapat paket untuk pengunjung sama ada *Guided Tour (prebook)*, *Tram Ride (walk-in)* atau paket *customised* bergantung kepada permintaan pelanggan. Laman Agro MAEPS terdiri daripada lapan laman iaitu Laman Herba, Laman Sayur, Laman Padi, Laman Nanas, Laman Ternakan, Laman Florikultur dan Laman Jentera.

**Guided Tour** - Melawat Laman Herba, Taman Mini Kelulut, Laman Nanas, Laman Jentera, Laman Padi, MAEPS Ecofarm dan Ladang Ternakan (Goat2Go Farm). Di sini pengunjung boleh merasa *food sampling*, *mix soil*, bermain dengan haluan kesayangan dan lain-lain.

#### 2) Laman Agro Recreation

Pelbagai aktiviti rekreasi ditawarkan seperti trek jogging, berbasikal, menunggang kuda, memanah, perkhembahan, *joy run*, agro hunt dan *orbir*. Jogging dan berbasikal adalah percuma.

#### 3) Rumah Negeriku

Komponen yang masih dalam perancangan. Menggunakan sepenuhnya 13 Rumah Negeri di bawah Kerajaan Negeri. Antara aktiviti atau paket ditawarkan adalah *homestay*, persembahan kebudayaan, makanan istimewa dan produk negeri dan majlis, namun tertakluk kepada kelulusan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

#### Harga paket MAEPS Agrotourism Park

Bagi asas Laman Agro: RM45/pax (perempuan Mykad)  
Pakej asas Agro Hunt: RM42/pax (termasuk hidangan ringan) @ RM62/pax (hidangan ringan dan makan tengah hari)  
Pakej Food Hunt: RM65/pax

#### Antara tarikan lain diuruskan Rakan Niaga MAEPS:

1. Sukan Berkuda (Rubinga Heritge & Equine Centre - Majlis Ekulin Malaysia)
2. F&B Outlet / Restoran di MAEPS - MAEPS Bistro, House Of Kambing, Goat2Go Farm, Nasi Kandar Apolo, MAEPS Ikan Sungai & Seafood Restaurant.
3. Spa @maeps
4. Taman Mini Kelulut
5. G2G Animal Garden (mini zoo)
6. The Nest (berkhembah, berkayak & memanah)

#### Nafas Cube

ANDAI kata tidak puas meneroka segala aktiviti dan keseronokan ditawarkan MAEPS, menginap saja di situ.

Nafas Cube menyediakan bilik executive khas selesa dan santai dengan dekorasi bilik di dalam kabin.

Harga lebih ekonomi juga disediakan. Bagi yang mahu lebih *adventure*, boleh memilih hanya memasang khemah sendiri.

Terdapat paket harga berbaloi. Berhampiran Nafas Cube, terdapat sebuah tasik yang tenang, juga lokasi The Nest. Pengunjung boleh berkhemah, berkayak dan memanah di situ.



ANAK-ANAK teruja di tapak Sukan Berkuda.

### Sukan berkuda

Anak ramaja dan dewasa dahagakan aktiviti sihat yang lebih mencabar, apa kata ke lokasi Sukan Berkuda, Rubinga Heritage dan Equine Centre - Majlis Ekulin Malaysia di MAEPS.

Sesungguhnya melihat kelibat kegagahan kuda yang tegar dan tinggi di situ juga sudah mampu meningkatkan adrenalin. Cubalah juga menunggangnya, pastinya akan menyumbang aura keberanian berbeza.

Hendak belajar menunggang kuda juga boleh di situ. Pelbagai paket disediakan.